

Cabaran Komunikasi Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam Menyelaras Pandemik COVID-19: Analisis *Tripartite Model of National Security* (3Ps / Model 3P)

SITI SABRINA IMJI RAHIM
MOHD IKBAL MOHD HUDA*
RAVICHANDRAN MOORTHY
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Ancaman keselamatan negara kini telah berkembang melibatkan isu kesihatan sebagai agenda keselamatan baharu dengan kemunculan Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Wabak ini telah menjadi satu krisis besar negara apabila banyak nyawa yang terkorban dan ekonomi negara turut terjejas. Apabila ancaman telah menjadi satu krisis negara, maka ia diuruskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), yang bertindak sebagai agensi penyelaras bagi menangani wabak penyakit ini dengan kerjasama agensi-agensi lain. Banyak strategi yang diketengahkan termasuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kuarantin bagi yang bergejala, pemakaian peralatan kawalan penyakit, pengesanan gejala melalui MySejahtera, pemberian vaksin, penutupan operasi perniagaan bagi yang bukan penting, sekatan keluar masuk negara dan acara sosial, penubuhan pusat panggilan di setiap agensi dan pemberian bantuan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam strategi yang diambil melibatkan masalah komunikasi MKN kepada kementerian/agensi dan rakyat dalam menangani Pandemik COVID-19. Oleh itu, amatlah penting untuk menganalisis apakah bentuk cabaran-cabaran komunikasi yang wujud dan kesannya kepada negara dan rakyat, bagi membolehkan MKN membuat penambahbaikan. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis dengan merujuk dokumen primer dan sekunder seperti laporan rasmi, jurnal akademik dan berita atas talian, bagi menerangkan model yang digunakan sebagai analisis kajian iaitu *Tripartite Model of National Security* (3Ps / Model 3P). Kajian mendapati bahawa cabaran-cabaran komunikasi telah menimbulkan kebimbangan kepada rakyat, meningkatkan kes jangkitan wabak COVID-19, kekeliruan dan ketidaktahuan terhadap fungsi dan peranan kerajaan, kekurangan keupayaan kerajaan untuk menyediakan alat perlindungan diri (PPE), kesilapan tindakan/pergerakan oleh rakyat dan penyebaran berita palsu, namun MKN berjaya menanganinya melalui penglibatan semua pihak.

Kata kunci: *Pandemik COVID-19, Majlis Keselamatan Negara (MKN), cabaran komunikasi, kementerian/agensi, rakyat, Tripartite Model of National Security (3Ps / Model 3P).*

*Penulis koresponding: ibahuda@ukm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2025-4101-04>

Diterima: 12 Julai 2023 | Diperakukan: 5 November 2023 | Diterbitkan: 30 Mac 2025

National Security Council (NSC) Communication Challenges in Coordinating the COVID-19 Pandemic: Analysis of the Tripartite Model of National Security (3Ps / Model 3P)

ABSTRACT

National security threats have now grown to include health issues as a new security agenda with the emergence of the COVID-19 pandemic. It has become a major crisis for the country when many lives have been lost, and the country's economy has been affected. As the threat has become a national crisis, the National Security Council (NSC) are responsible for managing it as the main national security coordinator and other agencies. Many strategies are implemented by NSC, including the Movement Control Order (MCO), quarantine for those with symptoms, use of disease control equipment, symptom detection through MySejahtera, vaccination, closure of non-essential business operations, country entry and social events restrictions, the establishment of call centres and assistance to the people. However, there are challenges involving NSC communication problems with ministries/agencies and people. Therefore, it is important to analyse what forms of communication challenges and their effects on the country and people enable NSC to improve. This article uses qualitative and analytical methods via primary and secondary documents, such as official reports, academic journals and online news, to elucidate the Tripartite Model of National Security (3Ps / Model 3P) used as a research analysis. The study found that communication challenges have caused people concern, increased cases of COVID-19 infection, confusion and ignorance of the government functions and roles, lack of government capacity to provide personal protective equipment (PPE), wrong actions/movements by the people and the spread fake news, but MKN managed to address it through the involvement of all parties.

Keywords: *COVID-19 Pandemic, National Security Council (NSC), communication challenges, Ministries/Agencies, people, Tripartite Model of National Security (3Ps / 3P Model).*

PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah melanda di seluruh dunia termasuk Malaysia. Ia merupakan satu bentuk wabak penyakit baharu yang sangat berbahaya kerana mampu menjangkiti manusia dengan pantas dan seterusnya menyebabkan kematian dalam masa yang singkat. Penyakit ini berasal dari negara China dan kemudian menular ke seluruh dunia. Angka kematian disebabkan penyakit ini amatlah tinggi dan ia bukan sahaja menjejaskan keselamatan rakyat, namun juga keselamatan ekonomi apabila ekonomi terpaksa dihadkan dan menyebabkan rakyat kekurangan sumber pendapatan dan ia juga menyebabkan kematian dengan kes bunuh diri yang tinggi akibat tekanan hidup.

Evans (2016) menyatakan bahawa isu penyakit tidak boleh dipisahkan dengan isu keselamatan negara dan perlu diambilkira sebagai satu ancaman keselamatan negara dan usaha menangani wabak penyakit harus menjadi keutamaan global. Hujahan Evans (2016) juga disokong oleh Oshewolo dan Nwozor (2020) di mana mereka menyatakan bahawa penyakit berjangkit sebagai masalah keselamatan kerana kemampuannya yang mengancam keselamatan negara dengan cara perebakan wabak di kalangan populasi dengan mudah. Nurhasanah et al. (2020) kemudiannya menyatakan Pandemik COVID-19 adalah virus dengan kesan terbesar terhadap keselamatan manusia berbanding dengan virus lain yang telah

muncul sebelum ini dan negara harus bersedia dengan memperkukuhkan ketahanan keselamatan kesihatan negara bagi berdepan dengan virus yang lebih kuat pada masa depan.

Oleh itu, setiap negara telah melaksanakan pelbagai langkah dan strategi bagi menangani penyakit ini. Antara langkah yang dilaksanakan adalah kawalan pergerakan. Langkah ini diambil bagi mencegah penularan wabak ini yang boleh menjangkiti melalui sentuhan dan perbualan bersemuka tanpa menggunakan pelitup muka. Menhat et al. (2021) menyatakan selain kawalan pergerakan, kebanyakan negara juga melaksanakan perintah mewajibkan pemakaian pelitup muka dan penjarakan sosial. Pelaksanaan kerja dan perniagaan juga disarankan dilaksanakan secara atas talian. Bagi tujuan pematuhan, kebanyakan negara mengenakan hukuman kepada mereka yang tidak mematuhi dan mengerahkan anggota keselamatan bagi memantau perkara ini serta menjalankan penangkapan ke atas mereka yang tidak patuh.

Kebanyakan negara turut mewujudkan undang-undang khas sebagai punca kuasa dan rujukan dalam menangani penyakit ini memandangkan ia merupakan satu bentuk ancaman kesihatan yang bertukar menjadi krisis keselamatan negara. Selain itu, kebanyakan negara turut mewujudkan pelbagai bentuk pasukan khas dan pusat kawalan bagi mengendalikan wabak ini. Kebanyakan negara turut melaksanakan pengambilan vaksin bagi mengelakkan daripada penularan jangkitan wabak ini. Namun, kebanyakan negara tidak mewajibkannya kerana atas dasar hak individu atau hak asasi manusia. Pelaksanaan vaksin turut menjadi isu apabila sesetengah rakyat enggan mengambalnya kerana terdapat pelbagai khabar angin yang menyatakan mengenai bahaya risiko apabila mengambil vaksin ini.

Elengoe (2020) menyatakan bahawa sehingga kini, tiada vaksin atau tiada rawatan khusus untuk Pandemik COVID-19. Oleh itu, langkah pencegahan adalah sangat penting untuk mencegah dan mengawal penularan pantas wabak ini. Kesediaan harus menjadi keutamaan untuk wabak pandemik pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, Hashim et al. (2021) menyatakan pendekatan terbaik untuk mencapai imuniti kumpulan terhadap COVID-19 adalah melalui vaksinasi.

Dapat dilihat bahawa Pandemik COVID-19 merupakan satu bentuk ancaman baharu kepada negara, yang secara tidak langsung turut mewujudkan krisis dalam negara mahupun luar negara. Disebabkan itu, pelbagai pendekatan dan strategi telah diambil oleh negara di seluruh dunia yang terjejas dengan wabak ini, bagi mengawal dan mencegahnya. Ia juga rentetan wabak ini dapat dikenalpasti dengan pantas dengan kemunculan internet dan perkembangan pesat komunikasi teknologi, sehingga dunia telah mengalami globalisasi yang semakin agresif (Kamaruddin et al., 2022).

KRISIS/ANCAMAN PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA DAN STRATEGI KERAJAAN MALAYSIA MENANGANINYA

Krisis/ancaman Pandemik COVID-19 menjadi keutamaan negara Malaysia kerana ia memberikan kesan yang besar kepada bukan sahaja negara ini, namun turut kepada rakyat. Di Malaysia, krisis/ancaman Pandemik COVID-19 dikendalikan dan diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) setelah diamanahkan untuk menjadi agensi penyelarasan disebabkan ancaman kesihatan telah menjadi krisis negara dan bukan lagi ancaman kesihatan semata-mata. Namun tetap bekerjasama dengan agensi utamanya iaitu Kementerian

Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Pada awal Pandemik COVID-19, ia pada mulanya dikendalikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) tetapi apabila mesyuarat perbincangan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, pihak NADMA tiada kuasa untuk mengarahkan tentera dan polis. Oleh itu, Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) kepada Timbalan Perdana Menteri (YAB TPM) ketika itu menghubungi MKN meminta mereka mengambil alih dahulu. MKN ketika itu memberikan maklumbalas bahawa MKN hanya bertindak selepas perkara ini diisytiharkan sebagai krisis negara. SUSK kepada YAB TPM kemudian bertanya kepada NADMA pandangan mereka terhadap perkara ini dan NADMA mengakui tidak berkeupayaan untuk menanganinya. Disebabkan itu akhirnya Pandemik COVID-19 diambil alih oleh MKN. Ia sesuai kerana NADMA juga tiada kuasa mengisytiharkan krisis (Abdul Rahman, 2023).

Berdasarkan kajian-kajian sarjana lepas, Yong dan Sia (2021) menyatakan antara inisiatif kerajaan Malaysia bagi menangani Pandemik COVID-19 adalah melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 sebagai tindak balas kepada Pandemik COVID-19. Pernyataan mereka ini disokong oleh Hashim et al. (2021) yang menyatakan bahawa kerajaan Malaysia telah melaksanakan PKP dalam 4 fasa selama 2 bulan, berakhir pada 12 Mei 2020. Gill et al. (2020) turut menyatakan bahawa PKP terbukti berkesan dan telah berjaya mengurangkan kes aktif penularan wabak COVID-19 sebanyak 99.1 peratus.

Walau bagaimanapun, negara mengalami kerugian sebanyak RM2.4 bilion sehari semasa dalam tempoh PKP dan kerugian terkumpul sebanyak RM63 bilion sehingga akhir April 2020 yang menyebabkan Malaysia telah melonggarkan PKP dan membuka semula sektor ekonominya untuk mengurangkan beban ekonomi bermula pada 4 Mei 2020 (Hashim et al., 2021). Produk pengguna dan firma perkilangan Malaysia (pembuatan produk pengguna) juga telah terjejas teruk akibat penutupan perniagaan yang membawa kepada pengurangan pendapatan ramai pengguna (Yusuf & Oyelakin, 2022).

Kerajaan Malaysia turut menyediakan rangsangan kewangan awal berjumlah RM20.0 bilion pada bulan Februari 2020, sebelum Pakej PRIHATIN yang berjumlah RM250 bilion diumumkan. Pakej PRIHATIN telah menyediakan sokongan kerajaan kepada masyarakat, meliputi pelbagai latar belakang rakyat daripada pelajar dan keluarga kepada pemilik perniagaan. Kerajaan Malaysia melalui Bank Negara Malaysia (BNM) turut menawarkan moratorium selama 6 bulan untuk mengurangkan komitmen kewangan (Shah et al., 2020). Pakej rangsangan dijangka dapat membantu semua sektor perniagaan untuk bertahan melalui kemelesetan ekonomi semasa tempoh PKP (Menhat et al., 2021).

Selain itu, Pandemik COVID-19 telah banyak menjejaskan kesejahteraan psikologi, sosial dan kehidupan berjuta-juta orang pekerja dan mereka yang dijangkiti serta mereka yang dibebani masalah kewangan. Oleh itu, Kerajaan perlu menyokong untuk kesejahteraan mental mereka jua (Bahar Moni et al., 2021). Walau bagaimanapun, rakyat Malaysia mempunyai tahap pengetahuan yang baik mengenai COVID-19 dan pandangan positif untuk mengatasi wabak itu (Azlan et al., 2020). KKM telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi menangani isu tekanan/gangguan mental khususnya kepada pekerja yang dibebani dengan beban tugas yang banyak menjelang Pandemik COVID-19, serta mengeluarkan satu *support system* seperti memberikan cuti kepada pekerja-pekerja kesihatan dan sebagainya (Appannan, 2023).

MKN SEBAGAI AGENSI UTAMA PENYELARAS PANDEMIK COVID-19

Menjelang penularan wabak pandemik global iaitu COVID-19 yang melanda Malaysia pada awal tahun 2020, fungsi MKN telah berkembang. Susulan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bil. 1/2020 yang diadakan pada 16 Mac 2020, MKN dikenalpasti sebagai agensi penyelaras utama yang menentukan tindakbalas negara dalam menangani penularan wabak COVID-19. Bidang tugas menguruskan krisis COVID-19 dibahagikan di antara MKN, NADMA, KKM, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Luar Negeri (KLN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan hampir semua agensi-agensi kerajaan yang lain.

Dapat dilihat perkembangan fungsi dan peranan MKN daripada menjaga keselamatan negara dari aspek perbalahan kaum sehinggalah kini menjaga krisis negara dari aspek kesihatan wabak Pandemik COVID-19. Perkembangan fungsi dan peranan MKN ini selari dengan perubahan ancaman kontemporari global yang melanda dunia.

Pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh MKN bagi menangani Pandemik COVID-19 seperti menubuhkan pelbagai jawatankuasa yang melibatkan agensi-agensi keselamatan dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Selain itu, MKN juga melaksanakan PKP, penutupan pusat perniagaan yang bukan kategori penting dan sempadan, mewajibkan pemakaian pelitup muka/pemeriksaan suhu/pendaftaran MySejahtera, melaksanakan vaksinasi, menyediakan peruntukan undang-undang dan SOP, mewujudkan pusat panggilan (*Call Centre*), menyekat keluar masuk antara negara, kawalan lalu lintas dan penangkapan kepada mereka yang tidak mematuhi peraturan/undang-undang yang telah ditetapkan. Kerajaan turut memberikan bantuan khususnya kepada mereka dalam kategori berpendapatan rendah, namun terdapat juga bantuan untuk semua peringkat.

Tindakan PKP yang diambil oleh Kerajaan melalui MKN ketika itu adalah disebabkan ia kaedah yang terbaik untuk menangani Pandemik COVID-19. Kemudian dengan perubahan masa, kerajaan juga keluar dari PKP secara berfasa seperti PKP, PKP Bersyarat (PKPB), PKP Pemulihan (PKPP) dan PKP Diperketatkan (PKPD). Ia dilaksanakan secara berfasa kerana mengambilkira faktor ekonomi jua. KKM berpandangan kaedah berfasa yang dicadangkan oleh MKN ini amat baik (Appannan, 2023).

Dalam menyelaras pandemik COVID-19 di peringkat MKN, MKN telah menubuhkan kumpulan-kumpulan kerja dalaman yang menfokuskan kepada tugas menangani Pandemik COVID-19. Kumpulan-kumpulan kerja pada mulanya dibahagikan mengikut kluster seperti kluster inter-agensi yang bertanggungjawab menyelaras pertanyaan dan permohonan daripada Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk syarikat-syarikat swasta juga, kluster *Inter-State* yang bertanggungjawab menyelaras isu-isu di negeri, kluster Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure - SOP*) yang menyelaras SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kluster komunikasi yang bertanggungjawab untuk memantau isu-isu berkaitan viral dan siaran-siaran di media termasuk media sosial, kluster pusat panggilan (*call centre*) yang menyelaras pertanyaan dan maklumbalas orang awam dan kluster pematuhan SOP yang bertanggungjawab untuk menyelaras pemantauan pematuhan SOP oleh rakyat bersama dengan agensi-agensi keselamatan yang lain. MKN juga bertindak sebagai urusetia kepada mesyuarat penyelarasan PKP di peringkat tertinggi yang melibatkan Menteri-Menteri

dan di peringkat jawatankuasa teknikal yang melibatkan wakil-wakil dari semua agensi dan kementerian yang terlibat dalam menangani isu berkaitan pengurusan dan pelaksanaan Pandemik COVID-19.

Apabila kes jangkitan COVID-19 semakin meningkat, Perdana Menteri Malaysia, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan Darurat bagi seluruh Persekutuan berkuat kuasa mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021, yang mana sebelumnya beliau telah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong. Pengisytiharan darurat ini dilaksanakan sebagai langkah proaktif untuk membendung gejala wabak COVID-19 dan meningkatkan penguatkuasaan keselamatan dan ketenteraman awam (Astro Awani, 2021).

Satu Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat telah ditubuhkan untuk memantau isu-isu berkaitan pelaksanaan dan pengurusan darurat (Mat Ruzki, 2021). Segala keputusan-keputusan sepanjang pelaksanaan darurat dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat dan akan diangkat untuk persetujuan Sidang Darurat, MKN. Selain itu, Yang di-Pertuan Agong sebelumnya juga telah memperkenankan pembentukan satu Jawatankuasa Bebas yang dianggotai oleh ahli-ahli parlimen kerajaan dan pembangkang serta pakar-pakar kesihatan dan yang berkaitan (Mat, 2021). Dalam tempoh darurat, jentera pentadbiran kerajaan persekutuan dan negeri serta aktiviti ekonomi, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti terus berfungsi (Berita Harian, 2021). Walau bagaimanapun, Pilihan Raya Umum, Pilihan Raya Negeri dan Pilihan Raya Kecil tidak dibenarkan pelaksanaannya sepanjang tempoh darurat (Azman, 2021). Seramai 240 orang penjawat awam telah dihantar ke MKN untuk membantu pengurusan darurat (Abdul Rahman, 2023).

Langkah lain MKN adalah dengan menyelaras penubuhan *National Task Force* (NTF) pada 6 Mei 2021 di mana salah satu peranan NTF adalah pelaksanaan Operasi Benteng (Ops Benteng) yang diaktifkan pada 12 Mei 2020 sebagai usaha pihak kerajaan untuk mengekang jenayah rentas sempadan serta memperkukuhkan dan memperkasakan kawalan sempadan Negara dari kemasukan PATI yang bertujuan untuk membendung penularan wabak COVID-19. NTF turut diwujudkan bagi menyelaras operasi secara bersepadu melibatkan 19 buah agensi keselamatan dan penguatkuasaan di sempadan negara, dengan 4 agensi utama iaitu ATM, PDRM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan JIM, melalui tiga (3) komponen iaitu operasi maritim, operasi darat dan operasi udara (MKN, 2021).

Ops Benteng telah berjaya membantu membendung kemasukan PATI ke dalam negara dengan jumlah keseluruhan PATI dan tekong yang ditahan bermula pada tempoh Ops Benteng dilaksanakan sehingga 19 Mei 2021 adalah seramai 15,586 PATI dan 1,049 orang tekong. MKN turut menyelaras perbincangan bagi menyelesaikan isu dan masalah berkaitan perjawatan, peruntukan dan aset-aset dalam pelaksanaan operasi-operasi di bawah NTF (MKN, 2021).

Selain itu, MKN turut menyelaras program dan sistem vaksinasi (MySejahtera) dengan kerjasama KKM. MKN juga telah berjaya menjemput pihak swasta dan rakyat untuk bekerjasama dengan Kerajaan. MKN juga mengeluarkan risalah (*flyers*) bagi tujuan proklamasi darurat. Pelbagai langkah yang MKN ambil untuk memujuk rakyat untuk bekerjasama, yang dinyatakan dalam risalah tersebut. MKN juga mengambil alih kem-kem untuk dijadikan pusat-pusat kuarantin serta institusi latihan dan *Malaysia Agro Exposition Park Serdang* (MAEPS) yang dijadikan hospital (Abdul Rahman, 2023).

MKN selaku agensi penyelararas COVID-19 boleh dikatakan telah berjaya menunjukkan kredibiliti dalam menyelararas pengurusan Pandemik COVID-19, sehingga PKP berjaya ditamatkan dan rakyat juga dapat hidup dengan norma baharu. Negara juga telah beralih ke fasa Endemik bermula pada 1 April 2022, di mana pada tarikh tersebut, sempadan negara juga telah dibuka. Pada 7 September 2022 juga, Menteri Kesihatan pada ketika itu, Khairy Jamaluddin menyatakan bahawa pemakaian pelitup muka di tempat tertutup tidak lagi diwajibkan (Astro Awani, 2022).

Walau bagaimanapun, di sebalik kejayaan ini, terdapat cabaran-cabaran komunikasi yang dihadapi oleh MKN dalam menyelaraskan pengurusan menangani Pandemik COVID-19 dengan Kementerian/agensi yang berkaitan.

CABARAN KOMUNIKASI DALAM MKN MENYELARAS PANDEMIK COVID-19

Kekeliruan Disebabkan Kelemahan Komunikasi

Dalam menangani Pandemik COVID-19, terdapat kelemahan yang timbul iaitu dari aspek komunikasi MKN kepada kementerian/agensi sehingga menimbulkan kekeliruan dan ketidaktahuan di kalangan rakyat terhadap peranan dan tanggungjawab MKN serta kementerian/agensi yang lain. Perkara ini diserlahkan apabila permohonan ke luar negara dan masuk ke dalam negara semasa tempoh PKP selalu disalurkan ke MKN walaupun sebenarnya ia perlu disalurkan kepada JIM.

Begitu juga dengan permohonan pengecualian kuarantin yang mana ia sepatutnya disalurkan kepada NADMA tetapi disalurkan ke MKN. Permohonan kemasukan jet persendirian dan kapal terbang masuk ke dalam negara dan ke luar negara juga disalurkan ke MKN walaupun ia sepatutnya disalurkan ke MOT. Begitu juga dengan permohonan merentas daerah dan negeri yang sepatutnya disalurkan kepada PDRM tetapi disalurkan ke MKN.

Kekeliruan juga terhadap kebenaran beroperasi bagi pejabat dan pusat perniagaan yang sepatutnya disalurkan ke MITI tetapi disalurkan kepada MKN. Kekeliruan dalam peranan dan fungsi MKN menangani Pandemik COVID-19 di antara MKN dengan KKM juga berlaku (Ahamad, 2022). Walaupun MKN dan agensi lain telah membuat pemakluman bidang tugas melalui pelbagai saluran termasuk di laman rasmi, telegram, berita dan media sosial serta mewujudkan pusat panggilan MKN dan di setiap agensi kerajaan berkaitan, namun ia masih menjadi kekeliruan dan ketidaktahuan rakyat.

Perkara ini menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam pinalunan komunikasi MKN kepada kementerian/agensi, yang membawa kepada kekeliruan dan ketidaktahuan rakyat. Namun, sebenarnya MKN telah mengadakan mesyuarat setiap hari dengan penglibatan kementerian/agensi terlibat ini bagi menentusahkan peranan mereka dalam menguruskan Pandemik COVID-19 ini.

Persoalannya adakah MKN yang tidak menyalurkan komunikasi dengan betul kepada Kementerian/agensi ini ataupun kementerian/agensi ini tidak berjaya untuk memahami dengan jelas komunikasi yang disampaikan, sehingga penyampaian oleh kementerian/agensi berkaitan kepada rakyat masih menimbulkan kekeliruan dan ketidaktahuan.

Sebelum MKN menyelaras Pandemik COVID-19, MKN merupakan agensi yang bertindak di belakang tabir, di mana pendirian MKN adalah mengkoordinasikan agensi tetapi MKN tidak perlu ditonjolkan. Perkara ini menyebabkan wujudnya kekeliruan dan ketidaktahuan oleh rakyat dan di kalangan agensi-agensi sendiri terhadap perbezaan fungsi dan peranan MKN dengan kementerian/agensi yang lain.

Kepimpinan yang Mempengaruhi Komunikasi

Kelancaran komunikasi juga bergantung kepada kepimpinan yang memimpin MKN tersebut. Sekiranya dipimpin oleh yang tidak berpengetahuan, maka beliau tidak akan mengetahui apa keputusan yang tepat perlu dibuat (Abdul Rahman, 2023) dan menyebabkan kesalahan dalam penyampaian komunikasi kepada kementerian/agensi. Selain itu, ia juga bergantung kepada kepimpinan politik yang mengetuai MKN. Apa yang berlaku adalah terdapat isu-isu yang masih dalam perbincangan mesyuarat di antara MKN dengan kementerian/agensi dan belum dimuktamadkan serta tidak didedahkan kepada umum, namun ahli politik yang memimpin ketika itu telahpun mewartakannya kepada rakyat melalui kenyataan media.

Sebagai contoh, isu berkaitan kebenaran merentas negeri perlulah mendapatkan kelulusan PDRM. Pada ketika itu, PDRM belum lagi membuat sebarang persediaan kerana ia baru di peringkat perbincangan dan keputusan awal antara Kementerian/agensi. Namun, disebabkan telah diumumkan oleh kepimpinan politik, maka orang ramai ketika itu telah membanjiri balai polis di seluruh negeri, yang menyebabkan kesesakan dan beban kepada anggota-anggota polis yang bertugas. Perkara ini disebabkan penyaluran komunikasi yang tidak betul. Sepatutnya perlu ada seorang pegawai MKN yang boleh berbincang dengan pegawai kanan kepimpinan politik tersebut, supaya ia terselaras dan hanya diumumkan setelah benar-benar dimuktamadkan. Dalam hal ini, MKN sepatutnya memainkan peranan dan mempunyai kemahiran bagaimana untuk berkomunikasi dengan ahli-ahli politik ini supaya perkara seperti ini tidak berlaku kerana terdapat platform bagi tujuan ini iaitu Mesyuarat antara Menteri-Menteri yang diadakan dua/tiga kali seminggu bagi membincangkan pengurusan menangani Pandemik COVID-19.

Kelemahan Komunikasi Disebabkan Perebutan Kuasa (Power Struggle)

Kelemahan komunikasi juga terserlah dalam Mesyuarat Teknikal dan Sidang Darurat. Sebagai contoh NTF yang diketuai oleh ATM, tidak disenangi oleh PDRM dan menyebabkan PDRM tidak berapa memberikan kerjasama, dengan menyatakan bahawa mereka ingin menfokuskan kepada sekatan jalan raya (SJR) dan lain-lain (Abdul Rahman, 2023).

Situasi ini berlaku kerana perbezaan cara kerja dan latarbelakang pengalaman kerja, yang mungkin menjadi punca tercetusnya konflik dalaman. Selain itu, masalah ego juga berlaku apabila kedua-duanya mempunyai pandangan masing-masing yang berbeza dan kesukaran menerima pandangan daripada pihak yang lain. Namun, perebutan kuasa (*power struggle*) ini tidak akan berlaku sekiranya MKN boleh bertindak untuk berkomunikasi dengan ATM dan PDRM secara berkesan, agar kata sepakat boleh diperolehi.

Walau bagaimanapun, konflik ini masih terkawal dalam aspek kerjasama keselamatan yang lain. Menurut Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Negara iaitu Encik Hamzah bin Ishak, hubungan pegawai awam/sivil (contohnya PDRM) dengan pegawai tentera (ATM) di

MKN adalah baik kerana pegawai awam/sivil memerlukan kepakaran teknikal dan pengetahuan daripada pegawai tentera (Ishak, 2022).

Kekangan Komunikasi dalam Perkongsian Maklumat

Terdapat kekangan komunikasi juga berkaitan perkongsian maklumat, di mana kementerian/agensi sukar berkongsi maklumat yang terperinci, atas faktor kerahsiaan dan risau akan berlaku kebocoran maklumat. Perkongsian maklumat memang perlu kerana untuk MKN membuat keputusan ke atas Kementerian/agensi yang lain, memerlukan maklumat yang lengkap dan pantas. Perkongsian maklumat kini juga masih secara manual, di mana agak sukar untuk maklumat dikumpul secara sistematik (Appannan, 2023).

Perkara ini berlaku juga disebabkan kelemahan komunikasi dari MKN, di mana MKN sepatutnya menggunakan peluang pada setiap mesyuarat yang dikendalikan untuk mendapatkan maklumat lengkap dari kementerian/agensi. Perkara ini juga berkaitan dengan kebolehan berkomunikasi pegawai MKN, di mana sekiranya mereka tahu bagaimana cara berkomunikasi dengan berkesan kepada pegawai dari Kementerian/agensi berkaitan, sudah pasti maklumat yang diperlukan akan berjaya diperolehi.

Ini selari dengan pernyataan oleh Sa'ad et al. (2024) yang menyentuh mengenai isu komunikasi yang tidak lancar adalah salah satunya disebabkan masalah penyelarasan antara agensi. Kepentingan maklumat ini juga ditonjolkan oleh Moorthy et al. (2018) yang menyatakan bahawa impak dan penderitaan boleh dikurangkan dengan meletakkan maklumat yang sesuai di tempatnya.

Komunikasi Tidak Lancar Disebabkan Penyelarasan Antara MKN Pusat dan Negeri serta Campur Tangan Kerajaan Negeri

Terdapat masalah komunikasi di antara MKN dengan kementerian/agensi di negeri juga disebabkan campur tangan daripada Kerajaan Negeri yang menyukarkan penyelarasan. kerajaan negeri kebiasaannya mempunyai pandangan dan perundangan/peraturan tersendiri yang perlu dipatuhi dan mengekang MKN negeri untuk memenuhi atau mematuhi sepenuhnya peraturan yang telah ditetapkan oleh MKN pusat. Campur tangan kerajaan negeri juga menyebabkan kekeliruan kepada rakyat terhadap ketidakseragaman peraturan yang ditetapkan antara MKN.

Selain itu, berlaku juga isu MKN negeri yang bertindak tanpa merujuk terlebih dahulu dengan MKN pusat yang menyebabkan wujud masalah kerana sebarang isu yang timbul selalunya MKN pusat yang perlu atau bertanggungjawab menyelesaikannya atau menjawab kepada permasalahan tersebut. Isu komunikasi ini juga terserlah dalam pengurusan Pandemik COVID-19 di mana peraturan yang ditetapkan antara MKN pusat dan negeri terdapat perbezaan. Sehubungan itu, MKN pusat perlu mempunyai strategi kemahiran komunikasi dengan MKN negeri, supaya MKN negeri dapat mengaplikasikannya kepada Kerajaan Negeri bagi membolehkan keseragaman penyelarasan dan peraturan berlaku di Persekutuan dan Negeri.

Cabaran Komunikasi Disebabkan Perubahan Peranan MKN

Cabaran-cabaran dalam komunikasi ini juga rentetan perubahan-perubahan fungsi dan peranan MKN terkini dalam menghadapi isu keselamatan kontemporari iaitu Pandemik COVID-19, apabila perkara ini telah menambahkan bebanan tugas MKN dan banyak jawatankuasa yang telah diwujudkan bagi menangani COVID-19. Mesyuarat dan perbincangan juga dilaksanakan hampir setiap hari. Situasi ini menyebabkan kakitangan dan pegawai MKN sedia ada di pusat ataupun negeri tidak dapat menyampaikan komunikasi secara berkesan dan lancar kerana dibebani dengan tugas yang menjadikan mereka *stress*.

Kelemahan komunikasi juga terserlah dalam penyampaian MKN di media sosial seperti *facebook* dan *telegram*. Sebagai contoh, apabila MKN telah mula melaksanakan Program Vaksinasi, pelbagai isu yang wujud oleh kumpulan-kumpulan anti-vaksin sehingga mewujudkan berita palsu (*fake news*) di media sosial (Abdul Rahman, 2023). Walau bagaimanapun, MKN dilihat dapat menangani perkara ini dengan komunikasi pantas melalui pemberitahuan segera di media sosial bahawa perkara tersebut merupakan berita palsu.

PERSEPSI SWASTA, RAKYAT/NGO DAN KERAJAAN TERHADAP PENYAMPAIAN KOMUNIKASI OLEH MKN DALAM MENYELARAS PANDEMIK COVID-19


Pengaplikasian Tripartite Model of National Security (3Ps / Model 3P)

Bagi menilai persepsi umum terhadap penyampaian komunikasi oleh MKN dalam menyelaras Pandemik COVID-19 dengan kementerian/agensi mahupun rakyat, *Tripartite Model of National Security (3Ps / Model 3P)* akan diaplikasikan. Model ini telah dibangunkan oleh penulis berdasarkan kepada rangkuman penulisan jurnal oleh sarjana-sarjana lepas. Model 3P merujuk kepada *Public Sector* (kerajaan), *Private* (swasta) dan *People* (orang awam), yang dibina berdasarkan penulisan oleh sarjana Park & Chung (2021), Zaini (2020) dan Ite (2003).

Park dan Chung (2021) menyatakan bahawa Kerajaan di Korea Selatan telah melibatkan pihak swasta dalam membendung penularan COVID-19. Penglibatan tersebut adalah melalui kerjasama dalam pembentukan alat ujian (*test kits*) dan pemeriksaan kesihatan wabak COVID-19 di seluruh negara, termasuk kepada rakyat sendiri dan penduduk bukan warganegara. Pendekatan oleh Kerajaan Korea Selatan ini telah membuktikan bahawa penularan wabak COVID-19 telah berjaya ditangani hanya dalam tempoh sebulan pada awal penularan.

Zaini (2020) membuktikan bahawa maklumat dan makluman daripada orang awam telah meningkatkan penguatkuasaan dan pemeriksaan di Negeri Sembilan dan membawa kepada kejayaan menumpaskan sindiket pemerdagangan manusia di sempadan Malaysia-Indonesia. Penulisan beliau ini menunjukkan bahawa kerjasama di antara kerajaan dengan rakyat adalah penting dalam menangani ancaman keselamatan negara. Beliau juga mengetengahkan kaedah *Whole of Government* (WOG) dan *Whole of Society* (WOS) sebagai satu bentuk koordinasi di antara agensi kerajaan dan masyarakat dalam menyempurnakan kerangka keselamatan negara.

Ite (2003) menekankan kepentingan pemerintah negara Nigeria melalui Kerajaan dalam menangani isu kemiskinan rakyat dengan sikap amanah dan telus sehingga mampu menyumbang kepada kekayaan dan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan itu, ia membentuk *Tripartite Model of National Security (3Ps / Model 3P)* yang melibatkan pihak kerajaan, swasta dan orang awam. Rajah Model 3P adalah seperti berikut:



Rajah 1: Tripartite Model of National Security (3Ps / Model 3P)

Sumber: Dapatan Penulis dengan adaptasi idea daripada Park dan Chung (2021), Zaini (2020) serta Ite (2003)

Persepsi Rakyat

Berdasarkan analisis daripada persepsi rakyat, Hashim et al. (2021) menyatakan penyelarasan yang baik antara agensi kerajaan dengan orang ramai telah membuatkan negara berjaya mengatasi dua gelombang pertama wabak COVID-19. Walaupun gelombang ketiga terbukti lebih menakutkan, tetapi ia berjaya dikawal. Penulisan beliau ini memperlihatkan bahawa MKN telah berjaya menangani masalah komunikasi dengan agensi kerajaan yang lain, sehingga ia dapat disalurkan dengan baik kepada rakyat dan berjaya membendung wabak COVID-19.

Namun, Hong dan Chu (2021) mempunyai persepsi berlainan dengan menyatakan faktor utama yang menyebabkan peningkatan masalah kes COVID-19 adalah ketiadaan penyelarasan yang baik antara orang awam dengan kerajaan. Hasil kajian mereka mendapati situasi semasa COVID-19 di Malaysia berada dalam tahap yang teruk kerana carta menunjukkan bahawa ia mempunyai pertumbuhan eksponen serta aktiviti *Twitter* turut menunjukkan bahawa orang ramai tidak memperdulikan topik COVID-19 yang dikongsi oleh KKM. Selain itu, kes positif baharu meningkat secara mendadak selepas September 2020 di Malaysia. Mereka mendapati rakyat bimbang apabila keluar berita daripada KKM mengenai pelaksanaan PKP dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) namun hilang kebimbangan apabila bilangan kes digugurkan atau PKP dan PKPB ditamatkan. Penulisan mereka ini menunjukkan bahawa terdapat masalah komunikasi antara Kerajaan dengan rakyat, di mana Kerajaan atau MKN khususnya tidak berjaya meyakinkan rakyat mengenai kepentingan dan risiko bahaya Pandemik COVID-19 dan tidak berupaya mengatasi kebimbangan rakyat.

Perbezaan persepsi oleh rakyat ini menunjukkan bahawa komunikasi oleh MKN dan kementerian/agensi lain masih boleh diragukan sama ada ia berkesan atau sebaliknya, di mana MKN perlu meningkatkan komunikasinya kepada kementerian/agensi agar lebih lancar supaya dapat disalurkan kepada rakyat dengan lebih baik dan efektif.

Persepsi NGO

Dari persepsi NGO, Yayasan Ikhlas (YI) ada memberikan bantuan kepada hospital yang tidak cukup *Personal Protective Equipment* (PPE). Sebanyak RM9 juta yang telah dibelanjakan oleh YI untuk menyediakan sebanyak 200,000 PPE termasuk kos pengangkutan, jahitan, bahan-bahan dan pengagihan bayaran kepada sukarelawan. Namun, tiada sebarang penghargaan (*award*) daripada kerajaan pusat, cuma ada daripada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor yang memberikan YI "*award hero COVID-19*". NGO berpandangan bahawa mereka boleh berfungsi dan menjalankan peranannya sekiranya MKN boleh mengkoordinasinya dengan lebih baik dan menggunakan kemudahan yang ada sebaiknya, di mana ia juga boleh meringankan beban kerajaan. NGO boleh memberikan bantuan tetapi MKN perlu mengkoordinasikannya dengan NGO (Kassim, 2023).

Dapat dilihat bahawa terdapat masalah komunikasi di antara MKN dengan NGO, di mana MKN kurang peka dengan keperluan dan kepentingan NGO, sehingga kurangnya komunikasi MKN dengan NGO. Peranan NGO adalah besar sekiranya MKN benar-benar menggunakan mereka sepenuhnya. MKN sepatutnya perlu melaksanakan lebih banyak perjumpaan dan perbincangan dengan NGO.

Persepsi Swasta

Dari persepsi pihak swasta, Encik Kaisan Bin Kassim, Pengurus Sokongan Strategik, Bahagian Keselamatan Kumpulan Petronas menyatakan pihak Kerajaan sentiasa melibatkan pihak syarikat dalam mendapatkan maklumbalas serta input bagi mana-mana dasar atau peraturan yang hendak dikuatkuasakan. Sebagai contoh, semasa Pandemik COVID-19, pihak syarikat di peringkat ibu pejabat serta negeri, turut dilibatkan dalam mengeluarkan SOP COVID-19. Pihak Kerajaan melalui koordinasi MKN mengambilkira pandangan serta cadangan pihak syarikat sebelum SOP tersebut dikeluarkan atau dikemaskini. Ini merupakan suatu ruang pemudahcara dan komunikasi yang amat berkesan dan bermakna di pihak syarikat. Dalam konteks ini, maklumbalas dan pandangan yang dikemukakan oleh beliau adalah mewakili pihak syarikat dalam sektor minyak dan gas (Kassim, 2023).

Bagi Encik Ahmad Harris Bin Azizool Arif Pengurus Kanan (Pegawai Khas Kepada Pengarah Urusan), Pejabat Pengarah Urusan, *Malaysia Airports Holdings Berhad* (MAHB), beliau juga jelas dengan fungsi dan peranan MKN setakat yang sedia ada berdasarkan pengalaman berurusan dengan MKN terutamanya ketika Pandemik COVID-19 melanda pada 2020 (Azizool Arif, 2023). Persepsi pihak swasta menunjukkan terdapat komunikasi yang baik oleh MKN kepada pihak swasta dalam pengurusan Pandemik COVID-19 oleh MKN.

Persepsi Kerajaan

Dari persepsi kerajaan, masyarakat dan pihak swasta memang dilibatkan dan berlaku komunikasi yang baik. Menjelang Pandemik COVID-19, penglibatan swasta menyerlah dan membuka mata kerajaan terhadap pentingnya *public partnership* apabila terlihat kerajaan bekerjasama dengan swasta, banyak perkara yang telah dicapai. Sebagai contoh semasa hospital awam/KKM sesak, KKM telah menghantar sesetengah pesakit ke hospital swasta. Kemudian, pelaksanaan vaksin juga adalah kerjasama dengan sektor swasta atau pusat perubatan swasta bagi mencapai objektif memberikan vaksin kepada rakyat dan bagi

memastikan program berjaya dilaksanakan dan mencapai 90 peratus daripada populasi rakyat. Oleh itu, amatlah penting kerjasama ini terjalin (Appannan, 2023).

Kerajaan melihat bahawa Pandemik COVID-19 telah membuka mata semua lapisan masyarakat Malaysia apabila mereka faham bahawa kesihatan bukanlah tanggungjawab KKM semata-mata tetapi juga tanggungjawab setiap individu dan komuniti di Malaysia. Kini kerajaan juga telah memperkasakan komuniti untuk lebih proaktif dalam melaksanakan ujian sendiri sekiranya mempunyai gejala COVID-19. Sekiranya hasil ujian adalah positif, mereka sendiri digalakkan untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa bahawa mereka adalah positif COVID-19 dan mereka tidak perlu pergi ke klinik, di mana mereka boleh memantau sendiri gejala melalui aplikasi My Sejahtera. Sekiranya gejala bertambah teruk, kerajaan juga ada sistem untuk membawa mereka ke hospital. Momentum ini harus dikekalkan supaya masyarakat kita lebih peka pada tahap kesihatan mereka (Appannan, 2023). Terlihat bahawa Kerajaan telah mengadaptasikan komunikasi secara atas talian bagi memudahkan rakyat dan meningkatkan rasa tanggungjawab dalam diri rakyat.

Strategi Kerajaan juga adalah isu Pandemik COVID-19 diselesaikan melalui komunikasi dalam SOP-SOP yang dikeluarkan. Melalui SOP ini, rakyat mahupun swasta tahu bagaimana untuk bertindak dalam tempoh kawalan pergerakan. Bagi memudahkan rakyat juga, MKN menambahbaik melalui pengecilan jumlah SOP menjadi satu SOP sahaja tetapi merangkumi 9 garis panduan. Namun, Pandemik COVID-19 agak sukar ditangani sepenuhnya kerana ancaman seperti ini tidak boleh dilihat (Ishak, 2022). Sebelumnya, berlaku kelemahan penyampaian komunikasi dalam proses peralihan fasa PKP kepada PKPD, di mana rakyat keliru dari aspek pergerakan yang harus dilakukan. Ini terserlah apabila di zon yang ketat, tetapi masih ada kemasukan dengan membawa barangan yang penting (*essential*) (Abdul Rahman, 2023). Walaupun MKN telah melaksanakan penyampaian komunikasi melalui SOP-SOP yang diwujudkan dan telegram, namun MKN juga perlu turun padang untuk melaksanakan *engagement* dengan rakyat untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas (komunikasi secara terus), ataupun MKN mengarahkan pihak yang bertugas seperti ATM untuk melaksanakannya. Dalam menangani Pandemik COVID-19 juga, walaupun MKN telah melaksanakan penyampaian komunikasi melalui perbincangan, SOP dan media sosial, masih terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengetahui mengenai peranan MKN dan keliru dengan peranan MKN dengan agensi lain disebabkan MKN bekerja tanpa publisiti dan bekerja di sebalik tabir. Namun, isu-isu keselamatan kotemporari kini menuntut supaya peranan MKN diwar-warkan. Bermula dari MKN menangani Pandemik COVID-19, barulah rakyat mengetahui mengenai elemen keselamatan negara. Dalam kes Pandemik COVID-19 juga, MKN mewartarkan melalui Laman Web Rasmi MKN dan melalui media sosial seperti aplikasi telegram dan sms untuk kesedaran dan pengetahuan rakyat mengenai status terkini wabak ini termasuk SOP-SOP yang perlu dipatuhi, tindakan darurat dan lain-lain bentuk kesedaran. MKN juga menyelaras sistem seperti MySejahtera bagi tujuan maklumat berkaitan vaksin (Ishak, 2022).

Peralihan PKP juga diselaras/diwar-warkan melalui satu saluran iaitu MKN. Justeru, MKN yang pada dahulunya bertindak di belakang tabir telah berubah kepada lebih menonjol melalui peningkatan komunikasi bagi semua pihak untuk bersama-sama menjaga keselamatan negara. Selari dengan seruan MKN melalui DKN 2021-2025 bahawa keselamatan adalah tanggungjawab bersama. Walau bagaimanapun, tahap kerahsiaan tetap dijaga, di mana

sebagai contoh maklumat yang dikongsikan kepada awam dan media hanyalah asas sahaja bagi meredakan ketakutan masyarakat namun bagi isu taktikal dan kerahsiaan, ia kekal dalam perkongsian antara agensi keselamatan dan yang berkaitan sahaja. Adalah penting untuk membezakan maklumat yang penting, rahsia dan umum. Semua sumber sahlah perlu datang daripada Kerajaan (Ishak, 2022).

Peranan besar yang MKN telah tonjolkan adalah semasa menangani Pandemik COVID-19, di mana penglibatan semua pihak telah digerakkan oleh MKN. Penyelesaian kepada ancaman wabak ini banyak ditentukan oleh mekanisme MKN. Malaysia antara negara yang berjaya menangani Pandemik COVID-19. Ancaman wabak ini merupakan pengalaman baru kepada negara. MKN menanganinya melalui mekanisme komunikasi dengan pelbagai agensi, swasta, NGO dan rakyat. Penglibatan semua pihak terserlah menjelang berlakunya Pandemik COVID-19 (Hussin, 2022).

Penglibatan semua pihak perlu diintegrasikan untuk membentuk satu tindakan bagi menghalang Pandemik COVID-19. Ia juga ditangani melalui pewujudan SOP. SOP dirangka dengan MKN melakukan *visualize*, sebagai contoh dalam pengangkutan awam LRT, jarak apa yang sepatutnya antara satu orang ke satu orang dan jarak tersebut iaitu satu meter kemudiannya diletakkan ke dalam SOP. Apabila KKM menyatakan jangkitan melalui pernafasan, MKN menggariskannya dalam SOP untuk mewajibkan pemakaian pelitup muka. MKN juga menggariskan hukuman saman kepada mereka yang melanggar peraturan dan menghalang sebarang inisiatif bagi menangani COVID-19. Mekanisme bagi menangani COVID-19 juga digerakkan mengikut peringkat iaitu seperti perundangan (peguam), mentor (MKN) dan Sidang MKN (Perdana Menteri). MKN telah menjadi tunggak utama yang menghalang Pandemik COVID-19 di Malaysia (Md Saad, 2022).

MKN juga boleh dikatakan berkesan dalam menguruskan Pandemik COVID-19 apabila negara telah menunjukkan kepada negara lain bagaimana kita berjaya menguruskannya (Sulaiman, 2023). Sumbangan ketara MKN adalah dalam menguruskan Pandemik COVID-19. Dalam kajian pengkaji-pengkaji sebelum ini mendapati penglibatan MKN juga reaktif dalam menangani isu keselamatan domestik negara sejak dari awal penubuhannya pada tahun 1971 (Rahim et al., 2023). Sumbangan MKN selalunya tidak diketahui umum kerana MKN bukannya agensi yang mencari publisiti. MKN mengkoordinasikan negara tetapi lebih bertindak di belakang tabir. Hanya apabila MKN menguruskan Pandemik COVID-19 barulah MKN terserlah kerana dalam krisis yang luar jangka amat memerlukan satu badan yang mengetuainya (Shaiful Azni, 2023). Penyerlahan MKN ini amat penting kerana sistem komunikasi yang efisien merupakan penyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi Malaysia (Mohd Huda, 2018).

Persepsi KKM merasakan sangat terharu dengan MKN. KKM berpandangan kita perlu faham COVID-19 ini tiada siapa yang menjangkakannya. MKN sebagai agensi kerajaan ulung yang bertanggungjawab menguruskan Pandemik COVID-19 ini telah menyelaras dan berkomunikasi dengan cemerlang. Namun, MKN boleh membuat penambahbaikan dan menilai sama ada keputusan yang dibuat setakat ini berkesan ataupun tidak. Secara keseluruhannya, KKM merasa amat kagum dengan kepimpinan yang ditunjukkan oleh MKN (Appannan, 2023).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, artikel ini merungkai bahawa MKN telah melaksanakan fungsi dan peranannya dengan baik sebagai agensi utama yang menyelaras Pandemik COVID-19. Pelbagai langkah kawalan yang diambil oleh MKN, dengan kerjasama Kementerian/agensi lain, termasuk pelaksanaan PKP, kuarantin bagi yang bergejala, pewujudan SOP dan kumpulan-kumpulan kerja, pelaksanaan mesyuarat berkala, mewajibkan pemakaian pelitup muka/pemeriksaan suhu/pendaftaran MySejahtera, melaksanakan vaksinasi, pewujudkan *Call Centre*, kawalan rentas negeri dan lalu lintas, penangkapan kepada mereka yang tidak mematuhi peraturan dan bantuan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, wujud cabaran-cabaran dalam komunikasi seperti kelemahan penyampaian komunikasi antara MKN dengan kementerian/agensi, kesilapan komunikasi oleh pemimpin yang mengetuai, kekangan komunikasi disebabkan perebutan kuasa (*power struggle*) dan isu perkongsian maklumat serta komunikasi tidak lancar disebabkan penyelarasan antara MKN pusat dan negeri, campur tangan Kerajaan Negeri dan perubahan peranan MKN. Hasil analisis melalui Model 3P mendapati bahawa cabaran-cabaran ini telah menimbulkan kebimbangan kepada rakyat, meningkatkan kes jangkitan wabak COVID-19, kekeliruan dan ketidaktahuan terhadap fungsi dan peranan kerajaan, kekurangan keupayaan kerajaan untuk menyediakan alat perlindungan diri (PPE), kesilapan tindakan/pergerakan oleh rakyat dan penyebaran berita palsu. Sungguhpun begitu, MKN akhirnya berjaya menangani cabaran komunikasi ini melalui penglibatan semua pihak, di mana terbukti bahawa pandemik telah berpindah ke fasa endemik, PKP ditamatkan, pemakaian pelitup muka tidak diwajibkan serta sektor ekonomi dan sempadan juga telah dibuka semula. Kajian akan datang boleh mempertimbangkan cadangan strategi yang boleh diambil oleh MKN sebagai penambahbaikan.

BIODATA

Siti Sabrina Imji Rahim merupakan calon pelajar PhD dalam Program Analisis Strategi dan Hubungan Antarabangsa di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. Email: teenasabrina@gmail.com / seri.melati81@gmail.com

Mohd Ikbal Mohd Huda (PhD) adalah Penyelaras Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Strategi dan Diplomasi) dan Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Email: ibahuda@ukm.edu.my

Ravichandran Moorthy (PhD) merupakan Profesor dan Ketua Program Siswazah bagi Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Email: drravi5774@gmail.com

RUJUKAN

- Abdul Rahman, N. (2023, January). Personal communication [Personal interview].
- Ahamad, A. (2022, July 3). Personal communication [Personal interview].
- Appannan, M. (2023, January 19). Personal communication [Personal interview].
- Astro Awani*. (2021, January 12). Kenyataan Media: Teks penuh Pengumuman Khas Darurat oleh PM Muhyiddin. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/teks-penuh-pengumuman-khas-darurat-oleh-pm-muhyiddin-277288>
- Azizool Arif, A. H. (2023, January 31). Personal communication [Personal interview].
- Azlan, A. A., Hamzah, M. R., Sern, T. J., Ayub, S. H., & Mohamad, E. (2020). Public knowledge, attitudes and practices towards COVID-19: A cross-sectional study in Malaysia. *PLoS One*, 15(5), e0233668.
- Azman, F. (2021, April 22). Agong perkenan Jawatankuasa Penamatan Proklamasi Darurat menghadap serah memorandum. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/agong-perkenan-jawatankuasa-penamatan-proklamasi-darurat-menghadap-serah-memorandum-294578>
- Bahar Moni, A. S., Abdullah, S., Bin Abdullah, M. F. I. L., Kabir, M. S., Alif, S. M., Sultana, F., ... & Rahman, M. A. (2021). Psychological distress, fear and coping among Malaysians during the COVID-19 pandemic. *PLoS One*, 16(9), e0257304.
- Berita Harian*. (2021, January 12). Teks ucapan Pengumuman Khas Darurat oleh PM. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/775260/teks-ucapan-pengumuman-khas-darurat-oleh-pm>
- Daud, R. (2022, 7 September). Pemakaian pelitup muka di tempat tertutup tidak lagi diwajibkan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemakaian-pelitup-muka-di-tempat-tertutup-tidak-lagi-diwajibkan-379857>
- Elengoe, A. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia. *Osong Public Health and Research Perspectives*, 11(3), 93.
- Evans, N. G. (2016). Chapter 10: Ebola: From public health crisis to national security threat. In Lentzos, F. (Ed.). *Biological threats in the 21st century: The politics, people, science and historical roots* (pp. 277–292). World Scientific Publishing.
- Gill, B. S., Jayaraj, V. J., Singh, S., Mohd Ghazali, S., Cheong, Y. L., Md Iderus, N. H., ... & Labadin, J. (2020). Modelling the effectiveness of epidemic control measures in preventing the transmission of COVID-19 in Malaysia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(15), 5509.
- Hamzah, A. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1-12.
- Hashim, J. H., Adman, M. A., Hashim, Z., Mohd Radi, M. F., & Kwan, S. C. (2021). COVID-19 epidemic in Malaysia: Epidemic progression, challenges, and response. *Frontiers in Public Health*, 9, 560592.
- Hong, C. M., & Chu, K. E. (2021). An analysis of current scenario of COVID-19 in Malaysia. *International Journal of Progressive Sciences and Technologies*, 25(1).
- Hussin, R. (2022, 14 July). Personal communication [Personal interview].
- Ishak, H. (2022, July 18). Personal communication [Personal interview].

- Ite, U. E. (2004). Multinationals and corporate social responsibility in developing countries: A case study of Nigeria. *Corporate Social Responsibility and Environmental Management*, 11(1), 1-11. <http://doi.org/10.1002/csr.49>
- Kamaruddin, N., Mohd Huda, M. I., Deivasagayam, A. D., & Xia, M. (2022). Engaging North Korea: Malaysia's quest for the middle path. *Issues & Studies*, 58(02), 2240001.
- Kassim, K. (2023, January 31). Personal communication [Personal interview].
- Kassim, K. (2023, February 2). Personal communication [Personal interview].
- Mat, I. (2021, February 9). 19 dilantik anggota Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/784614/19-dilantik-anggotai-jawatankuasa-khas-bebas-darurat-2021>
- Mat Ruzki, R. (2021, January 16). Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat ditubuhkan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/776842/jawatankuasa-teknikal-pengurusan-darurat-ditubuhkan>
- Md Saad, R. (2022, July 14). Personal communication [Personal interview].
- Menhat, M., Zaideen, I. M. M., Yusuf, Y., Salleh, N. H. M., Zamri, M. A., & Jeevan, J. (2021). The impact of COVID-19 pandemic: A review on maritime sectors in Malaysia. *Ocean & Coastal Management*, 209, 105638.
- MKN. (2021). Kertas cadangan pewujudan Struktur dan Perjawatan Sementara bagi *National Task Force* untuk Operasi Benteng.
- Mohd Huda, M. I. (2018). Projek komunikasi di bawah komitmen pinjaman Yen. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 67-88.
- Moorthy, R., Benny, G., & Gill, S. S. (2018). Disaster communication in managing vulnerabilities. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 51-66.
- Nurhasanah, S., Napang, M., & Rohman, S. (2020). COVID-19 as a non-traditional threat to human security. *Journal of Strategic and Global Studies*, 3(1), 5.
- Oshewolo, S., & Nwozor, A. (2020). COVID-19: Projecting the National Security Dimensions of Pandemics. *Strategic Analysis*, 44(3), 269-275.
- Park, J., & Chung, E. (2021). Learning from past pandemic governance: Early response and public-private partnerships in testing of COVID-19 in South Korea. *World Development*, 137, 105-198.
- Rahim, S. S. I., Mohd Huda, M. I., & Moorthy, R. (2023). Struktur sistem pengurusan krisis/ancaman ketenteraman awam oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN): Kajian Kes Rusuhan Kaum 13 Mei 1969, Peristiwa Kampung Medan 2001 dan Isu Kuil Sri Maha Mariamman 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 50(4).
- Sa'ad, S., Mohd Huda, M. I., & Moorthy, R. (2024). *Confident Building Measures* (CBM) sebagai pemudahcara komunikasi dalam rundingan GBC Malindo. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 40(1), 188-205.
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Abd Rahman, A., Sekawi, Z., ... & Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108-116.
- Yong, S. S., & Sia, J. K. M. (2023). COVID-19 and social wellbeing in Malaysia: A case study. *Current Psychology*, 42(12), 9577-9591.

- Yusuf, A. H., & Oyelakin I. O (2022). Impact of COVID-19 on Malaysian economy: A study of consumer product manufacturing firms. *Journal of Hunan University Natural Sciences*, 49(1).
- Zaini, A. H. (2020). Keberkesanan koordinasi agensi kerajaan dan isu pemerdagangan orang: Kajian empirik organisasi jenayah terancang dalam industri eksploitasi seksual [Master's thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia].